

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : CUKAI PELANCONGAN**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan terhadap industri sektor pelancongan di Negeri Selangor setelah pelaksanaan cukai pelancongan oleh kerajaan pusat?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi setiap kesan tersebut?
- c) Adakah cukai pelancongan ini akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan sektor pelancongan Selangor?

**JAWAPAN:**

a),b) & c)

Kerajaan Negeri masih tidak menerima apa-apa maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan Cukai Pelancongan oleh Kerajaan Pusat di Negeri Selangor. Tiada sesi taklimat dan penerangan lengkap yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kastam Negara mengenai badan-badan atau agensi yang terlibat bakal menguruskan hasil kutipan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : TUISYEN *ON-LINE***

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah keberkesanan serta penglibatan tuisyen on line bagi setiap DUN?

**JAWAPAN:**

a) Setakat Jun 2017 Program Tuisyen *Online* telah melibatkan semua Dun di mana penyertaan telah melibatkan 56 buah kawasan Dewan Negeri yang berada dalam Negeri Selangor dan jumlah pelajar yang terlibat dalam program ini setakat Jun adalah seramai 1054 orang pelajar.

Kajian keberkesanan buat masa ini belum dilaksanakan memandangkan program ini baru sahaja dilancarkan dan dilaksanakan pada 5 April 2017 yang lalu. Dapatan kajian akan diperolehi setelah keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) keluar untuk dibuat perbandingan dengan keputusan sebelum peperiksaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : DASAR PERUMAHAN NEGERI SELANGOR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Dasar Perumahan Negeri Selangor digubal dan apakah visi utama dasar ini?
- b) Senarai jumlah unit Rumah Selangorku yang disasarkan, telah dibina dan unit yang tidak dapat dijual mengikut kategori dan pecahan daerah.
- c) Apakah faktor yang menyebabkan Rumah Selangorku tidak dapat dijual?

**JAWAPAN:**

- a) Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014 berdasarkan kepada Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2013 berkenaan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) berdasarkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 35/2013 bertarikh 13 November 2013 bagi menggantikan Dasar 20 : 20 : 10 atau 20 : 10 : 10.

Di antara visi utama Dasar Rumah Selangorku adalah bagi merealisasikan matlamat '**Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna**' iaitu memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa, selamat serta kondusif untuk didiami.

Dasar ini juga menekankan kepada penyediaan perumahan mampu milik atau 'Affordable Homes' yang pelbagai dari segi lokasi, jenis dan saiz pada harga bermula RM42,000.00 sehingga RM250,000.000.

- b) Untuk makluman yang Berhormat, dasar Rumah Selangorku hanya mula di perkenalkan pada tahun 2014. Berdasarkan ucapan Y.A.B Dato' Menteri Besar semasa ucapan pembentangan bajet 2015 telah mensasarkan untuk membina sebanyak 15,000 unit Rumah Selangorku dalam tempoh masa (3) tahun bermula Tahun 2015 hingga 2018. Walau bagaimanapun, sehingga kini sebanyak **96,832** unit daripada keseluruhan Rumah Selangorku telah dirancang dan diluluskan

oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang mana akan dibina secara berperingkat. Sehingga kini (Jun 2017), sebanyak **22,655** unit Rumah Selangorku sedang dibina dan sebanyak **1,054** unit telah pun disiapkan & diserahkan kepada para pembeli. Perincian mengikut tahun kelulusan MMKN adalah seperti berikut :-

TAHUN KELULUSAN (MMKN)	SIAP DIBINA	DALAM PEMBI- NAAN	BELUM DIBINA			BIL PROJEK
			ADA KM	ADA KM+BP	TIADA KELULUSAN	
2014	5 (518)	13 (4,380)	8 (2,625)	6 (1,513)	5 (2,732)	37 (11,768)
2015	1 (536)	23 (18,015)	31 (14,736)	8 (7,813)	22 (18,544)	85 (59,644)
2016	-	1 (260)	2 (608)	1 (492)	21 (15,779)	25 (17,139)
2017	-	-	-	-	21 (8,281)	21 (8,281)
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b> (1,054)	<b>37</b> (22,655)	<b>41</b> (17,969)	<b>15</b> (9,818)	<b>69</b> (45,336)	<b>168</b> (96,832)
			<b>125</b> (73,123)			

Projek Rumah Selangorku yang telah siap dibina dan telah diserahkan kunci sehingga Jun 2017. Perincian adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Lokasi Projek</b>	<b>Bilangan Unit</b>	<b>Tahun Siap Dibina</b>
1.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92 (Jenis D)	21 Okt 2014
2.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)	22 Mac 2016
3.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)	15 Jun 2017
4.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)	12 May 2017
5.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)	07 Mac 2017
6.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	08 Mac 2017
<b>JUMLAH UNIT</b>				<b>1,054</b>	

Senarai kategori dan pecahan daerah bagi baki unit kosong Rumah Selangorku yang boleh ditawarkan kepada orang awam adalah sebanyak 1,986 unit adalah seperti berikut :

DAERAH	BAKI UNIT KOSONG YANG BOLEH DITAWARKAN			
	A	B	C	D
PETALING	-	-	102	383
KLANG	-	-	35	65
HULU LANGAT	15	551	196	153
GOMBAK	30	-	85	-
SEPANG	-	23	348	-
HULU SELANGOR	-	-	-	-
KUALA SELANGOR	-	-	-	
KUALA LANGAT	-	-	-	
SABAK BERNAM	-	-	-	
<b>JUMLAH</b>	<b>45</b>	<b>574</b>	<b>766</b>	<b>601</b>
<b>KESELURUHAN</b>	<b>1,986 UNIT</b>			

Walaupun bagaimanapun, senarai unit yang boleh ditawarkan di atas adalah bermaksud masih terdapat senarai pemohon yang dalam senarai menunggu untuk ditawarkan Rumah Selangorku. Ini kerana, projek tersebut termasuk juga projek yang baru berdaftar dan dalam proses untuk ditawarkan kepada pemohon yang dalam senarai menunggu. Sehingga kini, senarai pemohon yang berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti di bawah ;

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA			
	A	B	C	D
<b>JUMLAH</b>	<b>90,580</b>	<b>9,659</b>	<b>26,281</b>	<b>19,192</b>
<b>KESELURUHAN</b>	<b>145,712</b>			

- c) Antara faktor yang menyebabkan Rumah Selangorku tidak dapat dijual disebabkan oleh pelbagai faktor seperti faktor manusia, fizikal bangunan, persekitaran dan sebagainya. Berdasarkan rekod di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sehingga 30 Jun 2017, faktor utama Rumah Selangorku tidak dapat dijual adalah disebabkan oleh kegagalan pemohon memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan/bank seperti mempunyai komitmen yang tinggi, tiada wang pendahuluan atau deposit, disenaraihitam oleh pihak bank atas masalah pembayaran PTPTN, Kad Kredit dan sebagainya. Selain itu, faktor lokasi dan rekabentuk juga turut mempengaruhi kepada penolakan tawaran ini disebabkan oleh pemindahan tempat kerja pemohon, kemajuan kerja pembinaan baru bermula atau kerja awalan dan pemohon mempunyai pelbagai pilihan projek dan jenis Rumah Selangorku yang sedang dimajukan.

Terdapat juga kes-kes tertentu, pemohon yang telah ditawarkan Rumah Selangorku turut gagal dikesan berdasarkan rekod pendaftaran pemohon di atas talian disebabkan kegagalan pemohon untuk mengemaskini maklumat alamat kediaman terkini atau nombor telefon atau alamat email pemohon sendiri. Selain itu, berlaku kes kematian, perceraian, hilang pekerjaan dan sebagainya telah menyebabkan urusan pembelian tidak dapat diteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : MAKLUMAT PELABURAN**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan data-data pelabur dan pelaburan lengkap yang diterima oleh Selangor berbanding negeri-negeri lain sejak tahun 2000 hingga kini?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelaburan tinggi diterima?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2016, sebanyak **4,713 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 136.058 bilion**. Dari jumlah tersebut sebanyak **RM 70.3 bilion** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 65.757** adalah daripada pelaburan asing. Dari jumlah tersebut, Selangor menduduki tempat kedua selepas Johor yang mencatatkan nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak **RM 166.78 bilion**.

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor D.T.	3,225	339,355	84,686,225,885	82,089,368,621	166,775,594,506
Selangor D.E.	<b>4,713</b>	<b>364,193</b>	<b>70,300,984,680</b>	<b>65,757,126,134</b>	<b>136,058,110,814</b>
Sarawak	518	71,304	43,869,636,637	57,963,858,788	101,833,495,425
Pulau Pinang	2,193	245,716	26,331,102,900	62,291,325,407	88,622,428,307
Kedah D.A.	808	91,071	23,777,093,237	34,341,879,524	58,118,972,761
Melaka	607	74,140	15,911,209,615	26,448,161,556	42,359,371,171
Perak D.R.	834	90,170	17,195,937,495	18,246,260,110	35,442,197,605
Sabah	511	40,047	21,555,568,606	12,134,700,130	33,690,268,736
Negeri Sembilan D.K.	604	57,271	10,576,099,774	22,728,112,432	33,304,212,206
Pahang D.M.	340	30,078	12,333,276,685	16,512,451,800	28,845,728,485
Terengganu D.I.	146	18,918	9,439,667,430	19,071,872,252	28,511,539,682



<b>Kelantan D.N.</b>	104	10,135	3,271,085,900	1,096,814,430	4,367,900,330
<b>W.P. - Kuala Lumpur</b>	247	14,447	2,937,506,005	1,089,344,788	4,026,850,793
<b>W.P.- Labuan</b>	16	1,138	2,365,186,318	56,841,730	2,422,028,048
<b>Perlis I.K.</b>	31	2,182	425,722,656	210,897,141	636,619,797
<b>Belum ditentukan</b>	2	234	0	232,266,000	232,266,000
<b>Jumlah</b>	<b>14,899</b>	<b>1,450,399</b>	<b>344,976,303,823</b>	<b>420,271,280,843</b>	<b>765,247,584,666</b>

*Sumber : Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia*

*Nota : Statistik pelaburan hanya dari tahun 2000 hingga 2016 sahaja kerana sehingga kini Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia masih belum mengumumkan statistik pelaburan yang terkini bagi tahun 2017*

- b) Secara dasarnya, antara faktor – faktor yang menyebabkan pelaburan tinggi diterima adalah seperti berikut;-
- i. Kestabilan politik dan keyakinan pelabur terhadap dasar pentadbiran negeri untuk pelabur melabur di Selangor dan juga mengembangkan pelaburan yang sedia ada.
  - ii. Penawaran kawasan industri yang strategik dan kondusif di Negeri Selangor serta kemudahan infra yang lengkap.
  - iii. Kos pelaburan dan awalan perniagaan yang kompetitif.
  - iv. Perlaksanaan projek baru yang berintensifkan modal bagi penggunaan teknologi baru yang lebih kompetitif.
  - v. Kewujudan eko – sistem pelaburan yang lebih baik berbanding negeri – negeri lain.
  - vi. Kewujudan industri sokongan dan perkhidmatan sebagai pelengkap kepada rantai bekalan industri (*Industrial Supply Chain*) bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan perniagaan.
  - vii. Bekalan tenaga kerja mahir yang tertumpu di kawasan Lembah Klang turut menjadi faktor daya penarik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah GST yang dibayar oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri masing-masing pada 2016.
- b) Nyatakan jumlah *OUTPUT TAX* yang telah di pulangkan.
- c) Nyatakan jumlah *GST* yang dikategorikan sebagai pengecualian bagi kerja-kerja infrastruktur yang masih tertunggak.

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri, jumlah bayaran GST yang telah dibuat oleh Jabatan yang diberi peruntukan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sepanjang pada tahun 2016 adalah seperti berikut:-

**Jadual 1:**

**Jumlah Bayaran GST Oleh Jabatan Yang Diberi Peruntukan Oleh Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2016**

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Perolehan</b>	<b>Bayaran GST (RM)</b>
1.	Perolehan Pelbagai Perkhidmatan Dan Kerja	84,261,362.40
2.	Perolehan Kerja (Khusus Bagi Projek MARRIS Kendalian PBT)	11,852,154.31
<b>Jumlah Besar (RM)</b>		<b>96,113,516.71</b>

- b) Berdasarkan dokumen ***GST Guide For Input Tax Credit*** yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 25 April 2013, seseorang yang berdaftar di bawah kerangka GST Malaysia adalah dikehendaki untuk mengenakan GST terhadap output dibuat untuk pelanggan iaitu barangan dan perkhidmatan yang layak dikenakan cukai. Beliau adalah layak untuk menuntut semula sebagai kredit terhadap apa-apa kenaaan GST ke atas belian yang menjadi input kepada perniagaannya. Tuntutan semula itu adalah bagi mendapatkan semula *Input Tax* yang telah dibayar dan bukan untuk mendapatkan semula *Output Tax* kerana **pada asasnya *Output Tax* tidak layak dituntut semula**. Proses tuntutan semula ini wujud bagi mengelakkan proses percukaian berganda (*double taxation*) di mana hanya nilai tambah (*added value*) di setiap peringkat sahaja dicukaikan.

Sebagai makluman, perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan yang menerima sepenuhnya waran peruntukan dari Kerajaan Negeri Selangor adalah dikategorikan sebagai **di luar skop kenaaan GST** selaras dengan maksud **Seksyen 64 (1), Akta Cukai Barangan Dan Perkhidmatan 2014** yang berbunyi seperti berikut:-

***Non-Application To Government***

64 (1) This Act ***shall not apply*** in relation to any supply of good and services made by-

(a) *The Federal Government and State Governments, unless the Minister otherwise directs by order published in the Gazzette; or*

(b) *Any local authority or statutory body in respects of its regulatory and enforcement functions.*

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak pernah mengemukakan tuntutan atau menerima apa-apa pemulangan *Input Tax*.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, satu-satunya pengecualian atau *relief* dari kenaaan GST untuk perolehan kerajaan pada masa ini adalah dalam perolehan bekalan (*supply*) sahaja dan pengecualian ini hanya layak dinikmati oleh Jabatan di bawah Kerajaan Negeri. Justeru, kesemua perolehan kerja bagi infrastruktur atau projek fizikal yang dilaksanakan oleh Jabatan di bawah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk kepada kenaaan GST pada kadar enam (6) peratus mengikut Akta Cukai Barangan Dan Perkhidmatan 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini proses pertukaran syarikat pengendali pengurusan sisa pepejal?
- b) Bagaimanakah syarikat pengendali yang baharu ini dapat memberi nilai tambah kepada rakyat Negeri Selangor?
- c) Berapakah anggaran penjimatan perbelanjaan Kerajaan (jika ada) berbanding sistem terdahulu?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui MMKN Bil. 42/2016 pada 21 Disember 2016 telah bersetuju untuk meluluskan perluasan perkhidmatan *Project Management Company (PMC)* di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) setelah melihat keberkesanan pelaksanaan PMC di Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebagai *pilot project*. Dengan menggunakan model operasi yang sama, pelaksanaan PMC di MPAJ telah dimulakan bermula 1 Mac 2017 yang lalu.
- b) KDEBWM juga telah memperkenalkan inisiatif baru di MPAJ bagi mempertingkatkan keseluruhan operasi pengurusan sisa pepejal melibatkan perkara-perkara berikut, iaitu:-
  1. pemberian lori kompaktor baru yang dilengkapi sistem pemantauan *Auto Vehicle Locating System (AVLS)*, kamera undur dan CCTV kepada sub-kontraktor menggunakan kaedah sewa-beli;
  2. penggunaan sebuah lori kompaktor baru di setiap zon (1 lori 1 zon);
  3. pewujudan *Centralized Command Centre (CCC)* yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi kutipan sisa pepejal KDEBWM dalam menerima aduan serta pemantauan penyelia kawasan dan kontraktor kutipan;

4. penggunaan telefon pintar yang dilengkapi dengan alat pengesan (*tracker*) bagi memantau pergerakan penyelia kawasan dan lori kompaktor;
5. penggunaan Aplikasi *i-Clean* sebagai salah satu medium kepada pengguna untuk menyalurkan aduan; dan
6. penggunaan aset-aset lain selain kompaktor seperti RORO dan *tricycle* sebagai aset sokongan.

Model perniagaan yang digunapakai oleh KDEBWM dengan memberikan lori kompaktor baru kepada sub-kontraktor menggunakan kaedah sewa beli merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia. Penggunaan lori kompaktor baru yang lebih tahan lasak dan dilengkapi dengan pelbagai sistem dan gajet terkini telah dapat menyelesaikan isu tipikal yang sering dihadapi di dalam industri pengurusan sisa pepejal seperti lori yang uzur dan sering rosak, tumpahan air *leacheate*, prestasi dan keupayaan lori yang menurun untuk memadatkan sampah (*compression*) dan sebagainya. Pemasangan kamera undur yang merupakan aksesori wajib di setiap lori kompaktor baru KDEBWM juga akan mengurangkan kebarangkalian berlakunya kes-kes pelanggaran apabila lori tersebut mengundur. CCTV yang dipasang pada lori kompaktor KDEBWM juga membolehkan pemantauan operasi kutipan sampah dilakukan secara langsung atau '*real time*' dari CCC.

Usaha penambahbaikan dan pemodenan infratraktur kutipan yang dilaksanakan oleh KDEBWM adalah bertepatan dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsepkan *Smart City* dan *Smart State*. Penggunaan aplikasi dan teknologi dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor bukan sahaja merealisasikan objektif kerajaan negeri untuk membangunkan persekitaran dan infrastruktur yang lebih mampan, bahkan akan turut menyumbang kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan bagi menjamin kualiti kehidupan yang lebih baik untuk rakyat.

- c) Dalam melaksanakan langkah ini, kos yang terlibat tidak lebih daripada peruntukan tahunan semasa yang telah diperuntukkan oleh setiap PBT bagi pengurusan sisa pepejal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : BANJIR SUNGAI LANGAT**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana keberkesanan program tebatan banjir yang telah dilakukan untuk menangani masalah limpahan air yang sering berlaku di Sungai Langat?
- b) Jelaskan usaha tebatan banjir di Sungai Sekamat, Sungai Sering (Kg Batu 10) dan Sg Jernih (Projek MRT).

**JAWAPAN:**

- a) JPS Negeri Selangor telah memperolehi peruntukan sebanyak RM28,500,000.00 oleh kerajaan negeri bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Labu, Mukim Labu yang sedang dalam proses draf akhir rekabentuk terperinci dan dijangka akan ditender pada tahun 2017. Skop Kajian Projek tebatan Banjir Sungai Labu telah mengambil kira lembangan Sungai Langat.
- b) Usaha tebatan banjir di Sg. Sekamat, Sungai Sering (KG Batu 10) dan Sg Jernih (Projek MRT) adalah seperti pembersihan sampah sarap dan kerja penyelenggaraan berkala dan juga pelaksanaan Ops lumpur yang dijalankan bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil daripada pemantauan Ops Lumpur mendapati kejadian banjir yang sering berlaku di Sg Sekamat adalah daripada projek pembinaan lebuh raya EKVE di mana pemaju telah menebas hutan sepanjang jajaran Sungai Sekamat. Manakala bagi Sungai Jernih, punca banjir sering berlaku adalah disebabkan oleh projek MRT. Kolam takungan telah dibina namun begitu, aras kolam dan asliran berkenaan berada di paras yang lebih tinggi dan menyebabkan air larian mengalir ke dalam Sungai Jernih. Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah mengeluarkan notis kepada pemaju untuk mengelakkan kejadian berulang.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **i. Sungai Sekamat**

Kejadian Banjir kilat pada 25 Mei 2017 adalah disebabkan kadar hujan yang melebihi paras normal iaitu 104mm di mana 3 kali ganda dari paras normal.

Tindakan atau usaha dari JPS : Kerja-kerja pembersihan sampah sarap dan halangan dari kayu atau balak yang hanyut ke Sungai Sekamat. Hasil siasatan ditapak pada 26 Mei 2017 didapati hampir 10 tan sampah serta kayu-kayu hasil penebangan dibuang ke dalam sungai. Kerja-kerja pembersihan ini menelan belanja hampir RM40,000.00.

Lanjutan daripada isu sampah ini, JPS bersama MPKJ telah melaksanakan Ops Lumpur ke Upstream Sungai Sekamat. Didapati terdapat pemaju Lebuhraya EKVE yang telah menebas hutan sepanjang jajaran Sungai Sekamat dan Sungai Long. Bersama-sama ini juga terdapat TUJUH (7) Pemaju yang sedang mengusahakan tapak tanpa kolam takungan yang sempurna, tiada silt trap dan culvert yang merentasi anak-anak sungai ini tidak diselenggara oleh pemaju dengan sempurna. Pihak MPKJ bersama Ulasan JPS telah mengeluarkan Arahan Notis 70 (A) Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) ke atas semua pemaju.

### **ii. Sungai Sering (Kampung Bt.10)**

Kampung Bt. 10 direntangi oleh Sungai Sering di tengah-tengah jajaran pembangunan rumah kampung. JPS Daerah mengeluarkan kerja-kerja pembersihan dan cucigali 2 kali setahun dengan anggaran kos RM40,000.00

Malah isu banjir di kawasan ini tidak dapat diselesaikan sepenuhnya kerana melibatkan lot-lot individu yang membuat penjajaran semula longkang dalaman dan sungai tanpa kelulusan dan pengetahuan mana-mana jabatan termasuk JPS/MPKJ/PTDHL ataupun LUAS.

Kerja-kerja pembersihan atau cucigali sungai juga dihalang oleh sesetengah pihak tau pemilik tanah berkenaan.

Isu banjir ini telah dikemukakan kepada MPKJ dan PTD Hulu Langat kerana longkang-longkang yang dibuat pengalihan haram ini adalah di bawah kuasa jabatan tersebut.

### iii. **Sungai Jernih (Projek MRT)**

Pembinaan Depot Kajang bersebelahan Kg. Sg. Jernih mengakibatkan Kg Sg Jernih menjadi dataran banjir dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini.

Hasil siasatan ditapak, kolam takungan berfungsi dengan sepenuhnya tetapi kolam dibina lebih tinggi begitu juga dengan sistem saliran depot MRT. Ini mengakibatkan air dari depo MRT terus disalurkan ke Sungai Jernih. Setiap kali banjir, air sungai menjadi tinggi dan melimpah ke kawasan kampung.

Untuk makluman juga, semua kelulusan dan Road & Drainage dipantau oleh Bahagian Kejuruteraan MPKJ sepenuhnya. MPKJ juga telah mengambil tindakan mengeluarkan notis dan arahan untuk pembersihan kolam dan sistem saliran setiap kali adanya kejadian banjir.

Setiap tahun JPS Daerah membelanjakan hampir RM60,000 iaitu 3 kali kerja pusingan pembersihan dan cucigali Sungai Jernih.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : TANAH PAJAKAN 99 TAHUN**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur pengambilan balik tanah pajakan 99 tahun yang telah tamat tempoh?
- b) Nyatakan tindakan kepada pemilik tanah yang ingkar.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB. Dengkil, tiada istilah pengambilan balik tanah pajakan 99 tahun yang telah tamat tempoh pajakan. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 46(1)(a) Kanun Tanah Negara, tanah bermilik hendaklah kembali dan terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri setelah tamatnya tempoh pajakan yang ditetapkan dalam dokumen hakmilik mengenainya. Oleh itu, semua tanah bermilik yang telah tamat tempoh pajakan, akan menjadi Tanah Kerajaan tanpa perlu melalui prosedur pengambilan balik tanah.

Oleh itu, sebelum tanah bermilik luput tempoh pajakan, pemohon boleh mengemukakan permohonan melanjutkan tempoh pajakan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui permohonan serahbalik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara dan bermilik Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.

- b) Pemilik asal tanah yang hakmiliknya telah tamat tempoh pajakan diberi peluang untuk membuat permohonan pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara dengan mengemukakan borang Jadual 1 dan akan diberikan keutamaan untuk dipertimbangkan semula tanah tersebut oleh Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan pemakaian Pekeliling PTGS Bil 6/2011.

Sekiranya tiada permohonan dibuat, tindakan penguatkuasaan dibawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara boleh dilaksanakan ke atas pendudukan secara tidak sah di atas Tanah Kerajaan. Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500 ribu atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima (5) tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : POLISI PEMBANGUNAN ANAK MUDA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Dasar Belia Kerajaan Selangor membawa manfaat kepada Anak Muda Selangor?
- b) Berapakah bilangan Anak Muda merupakan penerima manfaat daripada polisi Kerajaan Selangor untuk Anak Muda mengikut kawasan DUN?
- c) Berapa beza bajet anak muda antara kerajaan pusat dengan kerajaan Selangor?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Dasar Pembangunan Belia Kerajaan Negeri Selangor kini memberi penumpuan yang jelas kepada membangunkan potensi supaya wujudnya penglibatan belia yang aktif di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah merangka Dasar Belia Selangor yang fokus kepada 10 teras iaitu seperti berikut :-

- i. Keusahawanan dan Pekerjaan;
- ii. Kepimpinan dan Organisasi;
- iii. Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
- iv. Kemasyarakatan;
- v. Jaringan dan Kesukarelawanan;
- vi. Kebudayaan dan Kesenian;
- vii. Kesejahteraan dan Kesihatan;
- viii. Sukan dan Kecergasan;
- ix. Agama dan Spiritualiti ; dan
- x. Pengantarabangsaan

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dalam melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa serta menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor dan bertindak sebagai jentera pelaksana bagi pihak Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan akan memulakan satu inisiatif baru iaitu Sahabat Gen-S. Sahabat Gen-S yang akan diperkenalkan bertujuan untuk menarik penglibatan Generasi Muda terutamanya di Selangor dalam bentuk kesukarelawanan dan aktiviti kemasyarakatan selaras dengan Dasar Belia Selangor. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk mendidik dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan generasi muda untuk sentiasa memberi khidmat kepada rakyat Selangor secara sukarela.

- c) Kerajaan Negeri amat komited dan prihatin dengan merancang pelbagai program khususnya kepada generasi muda dalam pelbagai bidang. Sehubungan itu, pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM11,120,000.00 untuk Pembangunan Generasi Muda di Negeri Selangor.

Sehubungan itu, tiada data berhubung perbelanjaan bajet anak muda di Kerajaan Pusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KEMUDAHAN BEKALAN AIR DAN ELETRIK UNTUK MASYARAKAT  
ORANG ASAL**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kemudahan bekalan air dan elektrik untuk masyarakat orang asal?
- b) Jika ya, nyatakan perancangan Kerajaan.
- c) Jika tidak, apakah halangan-halangnya.

**JAWAPAN:**

- a) Di Negeri Selangor tiada terdapat Masyarakat Orang Asal yang terdapat adalah Masyarakat Orang Asli sebagaimana termaktub dalam Akta 134 Akta Orang Asli 1954 (Pind.1974).
- b) Tiada
- c) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan Skim Peduli Sihat yang telah didaftar dan diluluskan sehingga Jun 2017?
- b) Berikan pecahan pendaftaran dan kelulusan permohonan Skim Peduli Sihat mengikut kategori bagi setiap Dewan Negeri Selangor.
- c) Berapakah jumlah peruntukan telah dibelanjakan di dalam Skim Peduli Sihat?

**JAWAPAN:**

**Soalan 1 daripada YB Sekinchan adalah berkaitan Skim Peduli Sihat (SPS) yang akan dijawab bersekali dengan soalan-soalan seperti berikut:**

- i) **Soalan 215 daripada YB Kajang;**
- ii) **Soalan 206 daripada YB Kota Anggerik;**
- iii) **Soalan 31 daripada YB Seri Andalas;**
- iv) **Soalan 172 daripada YB Hulu Kelang; dan**
- v) **Soalan 103 daripada YB Jeram.**

Seperti mana kita sedia maklum, Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada 24 Januari 2017, membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap bebanan kos rawatan kesihatan rakyat yang semakin tinggi. Program yang terunggul di Malaysia dan hanya terdapat di Selangor ini merupakan satu program yang berimpak tinggi selari dengan peruntukan yang telah dikhususkan untuk pelaksanaannya, iaitu RM125 juta setahun.

Tuan Speaker,

**YB Kajang, YB Kota Anggerik, YB Seri Andalas, YB Sekinchan, YB Jeram dan YB Hulu Kelang bertanyakan berkaitan jumlah keahlian Skim Peduli Sihat serta pecahan mengikut Dewan Negeri.**

Untuk makluman Ahli Dewan,

Jumlah permohonan keahlian SPS yang telah berdaftar sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 216,051 orang ahli. Jumlah ahli mengikut Dewan Negeri adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Dewan Negeri</b>		<b>Jumlah Ahli</b>
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR - N01	6,162
2	N02	SABAK - N02	2,448
3	N03	SUNGAI PANJANG - N03	7,354
4	N04	SEKINCHAN - N04	2,486
5	N05	HULU BERNAM - N05	1,873
6	N06	KUALA KUBU BAHARU - N06	1,851
7	N07	BATANG KALI - N07	6,741
8	N08	SUNGAI BURONG - N08	4,947
9	N09	PERMATANG - N09	5,184
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	5,130
11	N11	IJOK - N11	2,198
12	N12	JERAM - N12	5,602
13	N13	KUANG - N13	4,531
14	N14	RAWANG - N14	4,227
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	3,963
16	N16	BATU CAVES - N16	2,549
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	3,109
18	N18	HULU KELANG - N18	2,319
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	2,071
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	3,178
21	N21	CHEMPAKA - N21	1,859
22	N22	TERATAI - N22	752
23	N23	DUSUN TUA - N23	2,126
24	N24	SEMENYIH - N24	2,746
25	N25	KAJANG - N25	1,963
26	N26	BANGI - N26	2,874
27	N27	BALAKONG - N27	988
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	2,563
29	N29	SERI SERDANG - N29	2,340
30	N30	KINRARA - N30	2,340
31	N31	SUBANG JAYA - N31	725
32	N32	SERI SETIA - N32	4,092
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	3,485
34	N34	BUKIT GASING - N34	618

<b>Bil.</b>	<b>Dewan Negeri</b>		<b>Jumlah Ahli</b>
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	525
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	867
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	3,090
38	N38	PAYA JARAS - N38	6,701
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	2,623
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	3,852
41	N41	BATU TIGA - N41	3,721
42	N42	MERU - N42	8,060
43	N43	SEMENTA - N43	3,595
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	1,219
45	N45	SELAT KLANG - N45	3,355
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	2,690
47	N47	PANDAMARAN - N47	2,304
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	663
49	N49	SERI ANDALAS - N49	4,262
50	N50	SRI MUDA - N50	3,061
51	N51	SIJANGKANG - N51	4,258
52	N52	TELOK DATOK - N52	4,840
53	N53	MORIB - N53	7,045
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4,917
55	N55	DENGKIL - N55	8,621
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	4,856
57	KHAS		23,532
	JUMLAH KESELURUHAN		216,051

**YB Sekinchan** bertanyakan berkaitan keahlian SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 12 Julai 2017 :

<b>Bil.</b>	<b>Kaum</b>	<b>Jumlah Pemohon yang Berjaya</b>	<b>Peratusan %</b>
1	MELAYU	142,558	66%
2	CINA	31,451	14%
3	INDIA	40,367	19%
4	LAIN-LAIN	1,675	1%
	JUMLAH	216,051	100%



**YB Jeram** bertanyakan jumlah permohonan SPS yang ditolak dan sebab penolakan.

Jumlah permohonan yang ditolak sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 5,235 permohonan. Di antara sebab permohonan tersebut ditolak adalah seperti berikut:

- i. Dokumen sokongan tidak lengkap;
- ii. Gaji melebihi had;
- iii. Tempoh pemastautin tidak mencukupi; dan
- iv. Dokumen sokongan yang mencurigakan.

**YB Kajang, YB Kota Anggerik, YB Seri Andalas dan YB Jeram** turut bertanyakan berkaitan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk SPS serta pecahan mengikut Dewan Negeri.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 12 Julai 2017, bagi pelaksanaan SPS adalah sebanyak RM1,621,950.27. Jumlah tersebut merupakan amaun tuntutan ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh klinik panel SPS bagi menampung kos rawatan peserta SPS.

Berikut adalah jumlah amaun tuntutan mengikut Dewan Negeri :

<b>DEWAN NEGERI</b>	<b>BILANGAN PESAKIT</b>	<b>AMAUN TUNTUTAN (RM)</b>
N55 DENGKIL	2,300	102,753.95
N10 BUKIT MELAWATI	1,862	85,782.50
N56 SUNGAI PELEK	1,719	79,501.00
N03 SUNGAI PANJANG	1,663	72,245.40
N28 SERI KEMBANGAN	1,323	60,819.50
N07 BATANG KALI	1,338	60,412.70
N42 MERU	1,320	56,407.30
N09 PERMATANG	1,141	52,741.00
N01 SUNGAI AIR TAWAR	1,153	52,701.70
N38 PAYA JARAS	1,025	46,194.00
N49 SERI ANDALAS	949	43,286.75
N12 JERAM	961	43,093.60
N53 MORIB	905	40,127.00
N13 KUANG	892	38,961.80
N52 TELOK DATOK	793	37,383.00
N32 SERI SETIA	710	32,890.80

<b>DEWAN NEGERI</b>	<b>BILANGAN PESAKIT</b>	<b>AMAUN TUNTUTAN (RM)</b>
N08 SUNGAI BURONG	647	30,603.10
N14 RAWANG	658	28,795.20
N46 PELABUHAN KLANG	609	28,116.40
N41 BATU TIGA	629	27,872.46
N26 BANGI	628	26,888.60
N43 SEMENTA	628	26,762.10
N15 TAMAN TEMPLER	636	26,673.25
N54 TANJUNG SEPAT	582	25,093.00
N51 SIJANGKANG	567	24,970.60
N40 KOTA ANGGERIK	538	24,381.90
N33 TAMAN MEDAN	518	24,252.40
N45 SELAT KLANG	553	23,657.50
N29 SERI SERDANG	490	22,546.80
N18 HULU KELANG	540	22,202.80
N17 GOMBAK SETIA	466	21,249.90
N47 PANDAMARAN	456	20,311.60
N24 SEMENYIH	436	19,736.40
N39 KOTA DAMANSARA	425	19,336.06
N30 KINRARA	430	19,315.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N06 KUALA KUBU BAHARU	409	18,715.00
N19 BUKIT ANTARABANGSA	405	17,848.65
N37 BUKIT LANJAN	392	17,732.00
N25 KAJANG	387	17,632.60
N21 CHEMPAKA	387	17,466.00
N02 SABAK	404	17,382.40
N23 DUSUN TUA	366	16,118.60
N16 BATU CAVES	344	15,701.40
N50 SRI MUDA	347	15,541.65
N04 SEKINCHAN	319	14,533.50
N11 IJOK	310	13,752.00
N31 SUBANG JAYA	259	11,597.35
N05 HULU BERNAM	283	9,741.00
N27 BALAKONG	192	8,492.95
N44 SUNGAI PINANG	111	5,295.10
LAIN-LAIN	101	4,461.00
N34 BUKIT GASING	96	4,362.50
N22 TERATAI	67	3,072.00

N48 KOTA ALAM SHAH	48	2,253.50
N36 DAMANSARA UTAMA	41	1,770.00
N35 KAMPUNG TUNKU	30	1,303.00
<b>JUMLAH</b>	<b>36,225</b>	<b>1,621,950.27</b>

**YB Jeram** bertanyakan berkenaan klinik panel bagi SPS, pada masa ini sebanyak 624 klinik panel yang telah berdaftar dengan SPS. Berikut adalah pecahan klinik panel mengikut Dewan Negeri :

<b>Bil.</b>	<b>Dewan Negeri</b>		<b>Jumlah Klinik</b>
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR - N01	0
2	N02	SABAK - N02	2
3	N03	SUNGAI PANJANG - N03	6
4	N04	SEKINCHAN - N04	1
5	N05	HULU BERNAM - N05	0
6	N06	KUALA KUBU BAHARU - N06	6
7	N07	BATANG KALI - N07	12
8	N08	SUNGAI BURONG - N08	1
9	N09	PERMATANG - N09	4
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	4
11	N11	IJOK - N11	3
12	N12	JERAM - N12	8
13	N13	KUANG - N13	2
14	N14	RAWANG - N14	26
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	9
16	N16	BATU CAVES - N16	17
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	7
18	N18	HULU KELANG - N18	2
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	8
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	21
21	N21	CHEMPAKA - N21	1
22	N22	TERATAI - N22	2
23	N23	DUSUN TUA - N23	4
24	N24	SEMENYIH - N24	14
25	N25	KAJANG - N25	27
26	N26	BANGI - N26	23
27	N27	BALAKONG - N27	9
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	18
29	N29	SERI SERDANG - N29	13
30	N30	KINRARA - N30	32

31	N31	SUBANG JAYA - N31	24
32	N32	SERI SETIA - N32	19
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	13
34	N34	BUKIT GASING - N34	3
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	7
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	10
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	5
38	N38	PAYA JARAS - N38	15
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	19
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	48
41	N41	BATU TIGA - N41	22
42	N42	MERU - N42	22
43	N43	SEMENTA - N43	29
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	5
45	N45	SELAT KLANG - N45	5
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	22
47	N47	PANDAMARAN - N47	4
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	5
49	N49	SERI ANDALAS - N49	7
50	N50	SRI MUDA - N50	17
51	N51	SIJANGKANG - N51	6
52	N52	TELOK DATOK - N52	8
53	N53	MORIB - N53	6
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4
55	N55	DENGKIL - N55	10
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	7
JUMLAH KESELURUHAN			624

**YB Sekinchan** bertanyakan berkaitan kaedah mempercepatkan kelulusan setiap permohonan.

Permohonan Keahlian SPS boleh dibuat melalui 2 kaedah iaitu dengan membuat permohonan secara atas talian (*online*) ataupun melalui Pusat Khidmat Masyarakat berhampiran. Bagi memudahkan permohonan, petugas PKM akan membantu menguruskan pendaftaran SPS ini terutama kepada golongan yang kurang upaya dan kurang berpengetahuan menggunakan capaian internet. Proses ini dapat mempercepatkan kelulusan setiap permohonan yang diterima.

Bagi memperkasakan program Skim Peduli Sihat (SPS) demi kepentingan dan kebajikan rakyat di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa **Kategori Khas** yang akan didaftarkan dan diluluskan oleh pihak Selgate Corporation Sdn. Bhd. selaku pihak yang telah dilantik bagi menguruskan pelaksanaan SPS. Kategori Khas ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang mempunyai rekod penerima yang layak untuk menerima manfaat di bawah program ini. Senarai penerima manfaat SPS di bawah **Kategori Khas** yang ditetapkan adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI KHAS</b>	<b>AGENSI / JABATAN</b>
1.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKM)
2.	Anak Yatim	
3.	Guru KAFA	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)
4.	Imam Masjid dan Surau	
5.	Fakir Miskin / Asnaf	Lembaga Zakat Selangor (LZS)
6.	Ketua Kampung dan Ketua Komuniti India	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
7.	Warga Emas (60 tahun ke atas)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan LRA Semenyih 2?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menghadapi sebarang masalah dalam membina LRA tersebut?
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan ia siap dalam tempoh ditetapkan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PILIHANRAYA PENERUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN  
KESELAMATAN KAMPUNG DI NEGERI SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Samaada pilihanraya ketua kampung di Kampung Bagan di Pulau Ketam, Kampung Baru Sungai Jarom dan Kampung Baru Pandamaran akan dijalankan pada tahun ini? Sekiranya ya, bila diadakan?
- b) Samada pilihanraya tersebut akan dijalankan di lebih kampung baru Cina di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Projek Perintis Pemilihan Pengerusi JKKK Kg Baru/ Bagan/ Tersusun Negeri Selangor di tiga (3) buah kampung iaitu Kampung Baru Sungai Jarum, Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Bagan Pulau Ketam telah diadakan pada September tahun 2013 dan keputusan pemilihan telah disahkan oleh Kerajaan Negeri pada 23 Oktober 2013. Perkhidmatan ketiga-tiga ketua kampung tersebut telah berkuat kuasa pada tarikh disahkan sehingga 22 Oktober 2017.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru bercadang untuk mendapatkan persetujuan dan kelulusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri agar tempoh perkhidmatan kesemua ketua kampung JKKK Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun dilanjutkan sehingga Dewan Negeri (DUN) dibubarkan bagi tujuan Pilihan raya Umum (PRU) yang akan datang untuk memastikan tumpuan dan perkhidmatan kepada rakyat dapat diberikan dengan sepenuhnya.

- b) Kerajaan Negeri melihat pelaksanaan Projek Perintis Pemilihan Pengerusi JKKK Kg Baru/ Bagan/ Tersusun Negeri Selangor yang telah dilaksanakan di tiga (3) buah kampung, iaitu Kampung Baru Sungai Jarum, Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Bagan Pulau Ketam adalah satu kejayaan di mana pemilihan ketua kampung ini juga telah mendapat sambutan yang amat baik daripada penduduk tempatan. Justeru itu, Kerajaan Negeri masih optimis untuk meneruskan dan mengembangkan kaedah pelantikan Pengerusi JKKK Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun ini secara pemilihan di lain-lain kampung baru/ bagan/ tersusun di Negeri

Selangor. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diperhalusi semula dari pelbagai sudut sebelum dilaksanakan secara menyeluruh.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN PEMBASMIAN KEMISKINAN  
KAUM INDIA DAN PEKERJA LADANG**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peratus belia, dewasa dan usia emas dalam golongan keluarga pekerja ladang?
- b) Apakah ada apa-apa perbincangan Kerajaan Selangor dan majikan bagi menambah baik taraf ekonomi, pendidikan dan sosial golongan ini?
- c) Bagaimanakah status kediaman pekerja yang telah bersara?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Meru, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang setakat ini tiada data khusus mengenai peratusan mengikut kategori dalam kalangan keluarga pekerja ladang. Jawatankuasa adalah berperanan dalam memfokuskan kebajikan keluarga pekerja ladang menerusi penganjuran program – program yang memberi manfaat ke atas setiap pekerja ladang dan keluarga mereka yang berteraskan kemahiran, pendidikan dan sosial.
- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri belum mengadakan sebarang perbincangan bersama pemilik ladang di Negeri Selangor berhubung perancangan bagi menambah baik taraf ekonomi, pendidikan dan sosial golongan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah melaksanakan beberapa penganjuran program di bawah Jawatankuasa yang menjurus kepada peningkatan tahap kemahiran, ekonomi dan sosial bukan sahaja di kalangan pekerja ladang, bahkan manfaat yang diberi juga tidak terkecuali kepada anak – anak mereka dalam bidang pendidikan untuk sama-sama menikmati faedah dari pelbagai aspek termasuk bantuan kewangan untuk meringankan bebanan mereka dalam mengharungi hidup sebagai golongan yang dianggap susah.

Program Pendidikan Anak – anak Pekerja Ladang ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan. Skim ini

terbuka kepada seluruh anak – anak pekerja ladang di negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Program-program yang dianjurkan adalah khusus untuk menjaga kebajikan pekerja ladang dalam meringankan bebanan yang ditanggung dalam kehidupan seharian.

Antara program – program yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun khusus bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bus Sekolah**  
Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang yang layak mengikut kriteria permohonan bagi setiap tahun.
- ii. **Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**  
Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5,000.00 setiap pelajar yang layak mengikut kriteria permohonan bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak – anak kepada ibu bapa.
- iii. **Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**  
Penyampaian anugerah adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak – anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang.
- iv. **Program – program Motivasi UPSR untuk anak pekerja ladang**  
Program ini dianjurkan adalah sebagai satu langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak di Negeri Selangor khususnya anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sempurna. Program berbentuk seminar ini dilaksanakan khusus untuk membantu anak pekerja ladang yang akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan dan teknik menjawab peperiksaan.

Di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang, kami memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang terutamanya dalam bidang pelajaran bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan bantuan-bantuan sedia ada yang dilaksanakan dan akan menambak program-program tersebut dari masa ke semasa.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang juga mengambil kira akan aktiviti sosial di kalangan pekerja ladang dengan menganjurkan beberapa bentuk program khusus kepada pekerja ladang di Negeri Selangor termasuklah program – program perayaan. Antara program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang adalah seperti berikut :-

- Perayaan Pesta Ponggal Peringkat Negeri Selangor
- Perayaan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor
- Program Bersama Pemimpin-pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) Dan Bekas Pekerja Ladang
- Program Lawatan Turun Padang Jawatankuasa Tetap Pekerja ladang Bersama Pekerja-pekerja Ladang di Negeri Selangor
- Program Sambutan Deepavali Peringkat Negeri Selangor

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak membantu pekerja ladang dalam meringankan beban dalam arus pemodenan yang semakin berkembang pesat. Pembangunan ekonomi di kalangan pekerja ladang merupakan teras kepada kehidupan yang lebih selesa dan terjamin di masa hadapan. Justeru itu, program – program yang telah dilaksanakan memberi tumpuan kepada pekerja ladang di Negeri Selangor dalam meningkatkan pendapatan sampingan mereka menerusi penganjuran program – program berbentuk kursus kemahiran jangka pendek seperti membuat kek dan coklat, kelas jahitan, kelas solekan, membaiki peralatan, membuat kraftangan serta ceramah dan taklimat yang membantu meningkatkan keyakinan dan semangat di kalangan pekerja ladang untuk terus maju dan berdaya saing. Program – program kemahiran seperti ini dilihat sedikit sebanyak dapat membantu para pekerja ladang mendalami asas – asas kemahiran ilmu yang boleh menjana pendapatan sampingan.

- c) Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Meru berhubung status kediaman bekas pekerja ladang di Negeri Selangor terutamanya yang telah bersara.

Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor belum mempunyai program bantuan khusus untuk membantu bekas pekerja ladang yang telah bersara untuk mendapatkan rumah selepas mereka bersara.

Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam menangani masalah perumahan ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang – ladang di seluruh Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan bagi membantu mendapatkan jalan penyelesaian yang terbaik berhubung pembangunan pekerja ladang agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat.

Dalam membela nasib bekas pekerja ladang, kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad namun melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemilik ladang bagi pembangunan kawasan perladangan khusus bagi bekas pekerja ladang dengan mengambil kira syarat – syarat yang ditetapkan oleh “*Estate Land Board*”. Kerajaan Negeri senantiasa berusaha menjaga nasib bekas pekerja ladang di ladang – ladang sebaik mungkin seperti berikut :

- 1) **Ladang Bukit Rajah** - Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Namun, hanya 65 keluarga sahaja berjaya menerima dan berpindah ke rumah yang baru. Manakala 10 keluarga lagi mengalami masalah pinjaman bank Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil dan dewan komuniti sebagai kemudahan kepada mereka.
- 2) **Ladang Bangi** – Seramai 22 orang bekas pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh pemaju untuk menyediakan rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh pemaju itu sendiri. Pihak pemaju dan pekerja ladang telah menandatangani perjanjian jual beli pada 30 Mei 2017 ;
- 3) **Taman Permata Dengkil** – Kerajaan Negeri telah membantu seramai 393 orang pekerja ladang mendapatkan tanah untuk pembinaan rumah teres. Pengambilan tanah dari Sime Darby seluas 30 ekar yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri tersebut telah menelan kos sebanyak RM12.14 juta dan telah diselesaikan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor di mana tanah tersebut telah diserahkan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan kerja – kerja pembangunan.
- 4) **Ladang Duneden** - Seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat ; dan

- 5) **Ladang Tumbok** - Kerajaan Negeri telah berjaya membantu seramai 12 orang bekas pekerja ladang dalam memiliki rumah dan tapak rumah.
- 6) **Ladang Semenyih** – Kerajaan Negeri melalui perbincangan dengan majikan dan pemilik ladang berkenaan telah berjaya membantu mendapatkan rumah teres 2 tingkat dengan diskaun kepada 25 bekas pekerja ladang, tempat beribadat dan juga tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) diperbesar.
- 7) **Ladang Dusun Durian** – Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan pembatalan “Rezab Melayu” yang telah dijadikan sebagai tapak perumahan kepada bekas pekerja ladang 109 orang serta tempat beribadat.

Walau bagaimanapun, bekas pekerja ladang yang telah bersara adalah tidak terkecuali untuk mendapatkan bantuan rumah di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Di bawah program ini, Kerajaan Negeri menyediakan bantuan bina baru rumah serta bantuan baikpulih rumah dengan tertakluk kepada syarat – syarat yang telah ditetapkan. Program ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor. Melalui program ini, Kerajaan Negeri Selangor telah membantu beberapa bekas pekerja ladang yang mempunyai tanah di atas milik sendiri untuk membina sebuah rumah yang selesa untuk didiami selaras dengan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan nasib bekas pekerja ladang kerana golongan ini dianggap terpinggir dan tumpuan lebih harus diberikan kepada mereka dalam memastikan kebajikan mereka dijaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENAMBAHBAIKAN SKIM MESRA USIA EMAS**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Selangor 2009 - 2016 telah membelanjakan RM 192, 946, 500 untuk bayaran SMUE kepada waris. Untuk penambahbaikan SMUE sedia ada, bilakah pembayaran dapat dibuat kepada warga emas semasa hayat?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak RMSB pernah beberapa kali mengemukakan cadangan untuk pelaksanaan jom shopping secara bulan disambung kembali, namun telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh MMKN. Sila rujuk kepada keputusan MMKN (RMSB/MMKN/09(01)2016(1)d/m.MMK.Sel31034 Jld. 10 yang diadakan pada 19hb Oktober 2016.

RMSB juga diminta untuk mengkaji semula mekanisme pelaksanaan pemberian manfaat semasa hidup secara menyeluruh. RMSB diminta untuk memberi fokus kepada program yang memberi impak yang besar kepada ahli SMUE dengan mengambil kira semua program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Memandangkan RMSB kini masih belum mempunyai Ketua Pegawai Operasi dan memandangkan proses pergabungan dengan pihak YAWAS belum selesai sepenuhnya, maka buat masa ini pihak RMSB belum dapat mengemukakan sebarang cadangan baru kepada pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : JUMLAH PINJAMAN YANG TELAH DILULUSKAN KEPADA  
PENGUSAHA OLEH KERAJAAN NEGERI DALAM PROGRAM  
HIJRAH SELANGOR.**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah bilangan yang telah diluluskan ?
- b) Berapa peratusan yang telah dikutip balik oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah bilangan permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 38,821 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak RM 237,751,500.00
- b) Peratus pembayaran balik adalah sebanyak 82.14%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi bagi setengah tahun yang pertama 2017 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain?
- b) Sila nyatakan apakah sasaran pelaburan Negeri Selangor tahun 2017?
- c) Apakah pendekatan proaktif yang diambil bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pelaburan yang diperolehi bagi setengah tahun yang pertama 2017 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain tidak dapat dinyatakan kerana sehingga kini pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) masih belum mengumumkan statistik pelaburan yang terkini bagi tahun 2017.
- b) Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mensasarkan pelaburan dalam industri pembuatan sebanyak RM 6.5 bilion.
- c) Bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor memberi tumpuan untuk menarik pelaburan dalam industri berteknologi tinggi. Antara industri yang diberikan tumpuan utama seperti berikut;-
  - i. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*).
  - ii. Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipments*).
  - iii. Sains Hayat (*Life Sciences*).
  - iv. Makanan (*Food Industries*).
  - v. Mesin & Peralatan (*Machinery & Equipments*).



Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang di negeri Selangor seperti;-

- i. e-Commerce*
- ii. Bio - Teknologi*
- iii. Aero - Angkasa*
- iv. Industri Halal*

Bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan dan menarik pelaburan masuk ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah merangka beberapa strategi seperti berikut;-

**Strategi jangka masa panjang;-**

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;-
  1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  2. Halal International Selangor Council
  3. *Selangor Aerospace Council*
  4. *Bio Tech - Council*
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- iv. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- v. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.

- vii. Pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang kondusif dan berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- x. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.

**Strategi jangka masa pendek:-**

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PREMIS PERNIAGAAN DI BAWAH PBT**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Peratus pemberian mengikut kaum.
- b) Peratus pelanggaran syarat untuk tahun 2016 serta apakah bentuk tindakan yang telah diambil?
- c) Apakah mekanisme untuk memastikan peniaga adalah penama kepada premis mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah peratus pemberian lesen premis perniagaan mengikut kaum di PBT masing-masing :

PBT	PERATUS PEMBERIAN LESEN PERNIAGAAN OLEH PBT MENGIKUT KAUM			
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
MBSA	79.0	15.0	6.0	0
MBPJ	16.3	49.2	6.2	28.3
MPK	50.0	30.0	20.0	0.0
MPAJ	78.0	20.5	1.5	0
MPSJ	24.7	67.6	4.4	3.3
MPS	28.7	57.7	9.9	3.7
MPKj	38.6	39.7	4.1	17.6
MPSp	85.0	6.0	9.0	0.0
PBT	PERATUS PEMBERIAN LESEN PERNIAGAAN OLEH PBT MENGIKUT KAUM			
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
MDKL	48.0	45.8	5.7	0.5
MDHS	42.6	44.9	11.6	0.9
MDKS	61.37	30.0	7.08	1.55
MDSB	33.0	63.5	3.0	0.5
<b>JUMLAH</b>	<b>535.27</b>	<b>439.9</b>	<b>68.48</b>	<b>56.35</b>

Nota: Sumber maklumat daripada setiap PBT.

- b) Secara keseluruhannya, peratus pelanggaran syarat berdasarkan lesen yang dikeluarkan oleh PBT bagi tahun 2016 adalah sebanyak 6.76 %. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut :

<b>PBT</b>	<b>BILANGAN LESEN DIKELUARKAN 2016</b>	<b>BILANGAN PELANGGARAN SYARAT</b>	<b>PERATUS (%)</b>
<b>MBSA</b>	946	67	7.1
<b>MBPJ</b>	23,400	1,071	4.6
<b>MPK</b>	1253	126	10.6
<b>MPAJ</b>	15,700	581	3.7
<b>MPSJ</b>	26,148	112	0.4
<b>MPS</b>	16,400	2,000	12.2
<b>MPKj</b>	19,659	2958	15.0
<b>MPSp</b>	338	37	10.9
<b>MDKL</b>	6740	930	13.8
<b>MDHS</b>	420	0	0
<b>MDKS</b>	580	0	0
<b>MDSB</b>	5381	26	0.5
<b>JUMLAH</b>	<b>116,968</b>	<b>7,908</b>	<b>6.76%</b>

Nota: Sumber maklumat daripada setiap PBT.

Tindakan yang boleh diambil ke atas pelanggaran syarat adalah:

- i. Mengeluarkan Notis Peringatan (tempoh matang 14 hari);
- ii. Sekiranya tiada bayaran dalam tempoh ini, Notis Penamatan (tempoh matang 30 hari);
- iii. Dalam masa ini, pihak Jabatan akan membuat semakan akaun peniaga. Jika tiada bayaran, Notis Kunci premis (tempoh matang 7 hari) akan dikeluarkan (kebiasaan peniaga akan datang berbincang dan menjelaskan bayaran);
- iv. Jika tiada bayaran dibuat, surat penamatan dan pembatalan lesen perniagaan (tempoh matang 14 hari) dikeluarkan;

- v. Jika tiada bayaran juga, tindakan mengeluarkan notis sita (tempoh matang 3 hari) akan dikeluarkan;
  - vi. Selepas 3 hari, tindakan mengunci premis dan notis mengosongkan premis akan ditampal supaya peniaga mengosongkan premis dan menyerahkan kunci premis kepada Jabatan;
  - vii. Jika perlu, surat tunjuk sebab akan dikeluarkan bagi mendapatkan penjelasan daripada peniaga;
  - viii. Jika tiada maklumbalas daripada peniaga, notis ambilalih sebagai pemberitahuan bahawa premis ini telah diambilalih oleh PBT. Premis ini akan diiklankan semula untuk peniaga baharu yang berminat untuk menyewa premis ini;
  - ix. Tindakan merampas cagaran dan kontrakan tunggakan akan diambil.
- c) Mekanisme yang digunakan oleh PBT dalam memastikan peniaga adalah penama kepada premis mereka adalah seperti berikut:
- i) Semasa permohonan lesen dikemukakan kepada pihak PBT salinan dokumen seperti pendaftaran SSM dan perjanjian sewaan merupakan dokumentasi yang wajib dikemukakan kepada pihak PBT; dan
  - ii) Bagi memastikan samada pengusaha/ ahli yang menjalankan aktiviti di premis berkenaan, semakan penama yang berdaftar akan dibuat bagi mengelakkan lesen perniagaan yang dikeluarkan tidak disalahguna atau dipindahkan kepada orang lain tanpa kebenaran pihak PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : ISU KESELAMATAN STRUKTUR PANGSAPURI INDAHRIA**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini isu keretakan di parking disekeliling Pangsapuri Indahria di Seksyen 22 Shah Alam?
- b) Apakah faktor penghalang untuk isu ini diselesaikan, memandangkan ianya mengundang keselamatan nyawa kepada penduduk sekitar?
- c) Apakah fungsi Unit Bencana dalam isu pencegahan bencana dari berlaku?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada kenyataan pengerusi Badan Pengurusan Bersama Indah Ria, JMB telah memfailkan saman kepada Pemaju Shanghai Realty Sdn Bhd di Mahkamah Seksyen Shah Alam pada 09hb September 2015. Untuk makluman, kes tersebut masih dalam prosiding Mahkamah dan menunggu untuk pendengaran kes.

Pihak Majlis telah membuat kajian teknikal bagi mengenal pasti punca berlakunya keretakan di tempat letak kereta. Kajian dilaksanakan oleh Tetuan Ikram Perunding Geoteknikal yang dilantik oleh Majlis. Kajian telah siap sepenuhnya pada tahun 2014. Kos kajian geoteknikal berjumlah RM1,019,312.03.

- b) Isu keretakan tidak boleh diselesaikan oleh pihak Majlis kerana ia berlaku di dalam kawasan Pangsapuri Indah Ria iaitu kawasan pentadbiran persendirian dan ianya diselenggarakan oleh Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body/ JMB) atau Perbadanan Pengurusan (Management Corporation/MC) maka Majlis tidak boleh dan tidak wajar mengeluarkan sebarang kos untuk pembaikan kerosakan di dalam kawasan pentadbiran JMB atau MC kerana ia merupakan kawasan persendirian. Kewajipan Majlis hanya untuk membaiki kerosakan di kawasan awam pentadbiran Majlis.

Pihak MBSA telah menghantar surat bertarikh 31hb Januari 2013 kepada pihak pemaju Shanghai Realty Sdn Bhd untuk mengarahkan beliau untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas kes tanah mendap di kawasan tempat letak kereta di Pangsapuri Indah Ria dalam tempoh 2 minggu berdasarkan Laporan keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor tetapi masih tiada tindakan yang diambil oleh pihak pemaju. Dan pemaju telah menghantar surat bertarikh 08hb Februari 2013 kepada Majlis Bandaraya Shah Alam berkenaan keengganan pihak pemaju untuk bertanggungjawab ke atas kes tersebut.

c) Fungsi Unit Bencana yang lebih dikenali sebagai PANTAS dalam menangani isu pencegahan bencana dari berlaku adalah seperti berikut :-

1. Mengoperasikan Bilik Gerakan Kecemasan dan Bencana

- Setiap PBT perlu mempunyai Bilik Gerakan Kecemasan dan Bencana.
- Talian Bilik Gerakan perlu berfungsi 24 jam setiap hari.
- Menerima, merekod dan menyelaras aduan kritikal perkhidmatan PBT dan aduan kecemasan dan bencana. Contoh: Jalan rosak teruk, tanah mendap, runtuhan, kebakaran dan lain-lain.
- Menyelaras komunikasi dan bantuan di dalam pelaksanaan operasi bantuan kecemasan dan bencana.
- Penyediaan laporan dan kemaskini rekod kejadian dan tindakan terhadap aduan kecemasan dan bencana.
- Menerima aduan perkhidmatan biasa PBT dan diselaraskan mengikut tatacara pengurusan aduan awam PBT.

2. Bertindak sebagai Pasukan Bantuan Awal (first responder) di dalam memberi bantuan Kecemasan dan Bencana.

- Bergerak ke lokasi aduan mengikut tempoh masa (response time) yang ditetapkan.
- Memberikan bantuan kecemasan dan bencana kepada mangsa sekiranya pasukan keselamatan lain belum tiba.
- Kawalan lalulintas dan keselamatan di tapak kejadian sebelum pasukan keselamatan tiba.
- Membuat penilaian risiko dan situasi.
- Laporan awal situasi kecemasan dan bencana dan perancangan bantuan kecemasan.

3. Membantu agensi keselamatan lain di dalam melaksanakan tindakan bantuan kecemasan dan bencana

- Bentuk bantuan yang boleh diberikan:
  - Rawatan kecemasan dan menyelamatkan mangsa
  - Kawalan lalulintas dan keselamatan
  - Daftar dan rekod mangsa Pemulihan keadaan persekitaran
  - Komunikasi bersama pelbagai Agensi Penyelamat dan Keselamatan
  
- 4. Penyelarasan bantuan kecemasan dan bencana merangkumi aspek logistik, kepakaran dan kebajikan
  - Logistik
    - Pusat Kawalan Tapak Kejadian (PKTK)
      - Khemah, kerusi dan meja, whiteboard, tandas bergerak, Pejabat bergerak, Pas Keselamatan
    - Penyediaan Peralatan Menyelamat
    - Penyediaan Tempat Pemindahan
    - Penyediaan Jentera
    - Pengangkutan
  - Kepakaran
    - Teknikal Infra, Kesihatan Persekitaran
  - Kebajikan
    - Kepada Petugas
    - Kepada Mangsa (sekiranya tidak diselaraskan oleh pihak JKM)
  
- 5. Mengoperasikan Pusat Informasi Kecemasan dan Bencana di Pusat Kawalan Tapak Kejadian
  - Merekodkan kehadiran agensi keselamatan, tetamu dan pihak media.
  - Mengemaskini maklumat dan informasi operasi bantuan, situasi kejadian dan mangsa.
  - Menyalurkan maklumat yang tepat kepada orang awam, tetamu dan pihak media (tertakluk kepada kebenaran ketua pegawai operasi-MKN20)
  - Mengoperasikan pusat informasi dari mula sehingga berakhir kejadian.
  
- 6. Penyelarasan pemulihan tempat kejadian.
  - Memantau dan menyelaraskan tindakan pemulihan tempat kejadian.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : USAHAWAN AGRO GENERASI MUDA**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah usahawan agro/tani yang telah dilahirkan oleh kerajaan sejak 2010?
- b) Berapakah pendapatan purata bulanan usahawan agro/tani yang dikategorikan berjaya di Selangor?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk membantu usahawan agro/tani sejak 2010?

**JAWAPAN:**

- a) Program Agro Generasi Muda atau AGROGEMS hanya mula dilaksanakan pada tahun 2015 dan setakat ini melalui program tersebut ianya telah berjaya memberikan maklumat awal atau membenihkan kesedaran kepada seramai 685 golongan Generasi Muda untuk menceburi sektor pertanian. Dari jumlah tersebut seramai 65 peserta (9.5%) yang telah dikenalpasti layak dan berpotensi untuk dipertingkatkan hasil mereka telahpun diberikan bantuan berbentuk peralatan yang berkaitan dengan bidang yang mereka ceburi.

Selain dari itu juga, seramai 34 peserta telahpun memulakan projek mereka iaitu penternakan lebah kelulut dan juga projek penanaman cili fertigasi.

- b) Purata pendapatan bersih bagi peserta AGROGEMS yang di dalam kategori berjaya adalah sebanyak RM3,000.00 sebulan.
- c) Sejak tahun 2015, sejumlah RM1,308,123.00 telahpun dibelanjakan untuk tujuan pemberian bantuan berbentuk peralatan seperti sistem fertigasi, rumah kelulut, sistem penternakan ikan dan kandang ternakan kepada seramai 94 peserta.